



aJABATAN PERIKANAN MALAYSIA
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA
(Department of Fisheries Malaysia)
Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry Malaysia)
ARAS 1-6, BLOK 4G2, WISMA TANI
NO. 30, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62628 PUTRAJAYA.

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8889 5490

Emel : pro@dof.gov.my

Laman Web : <http://www.dof.gov.my>

UNTUK SIARAN SEGERA

KENYATAAN MEDIA

TAKLIMAT AGROBANK KEPADA PENGUSAHA AKUAKULTUR

1. Satu program taklimat anjuran **Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA)** dan **Jabatan Perikanan (DOF)** dianjurkan hari ini bagi pengusaha-pengusaha ikan yang terkesan akibat Taufan Lekima di Dewan Serbaguna Tokong Huat Soo Kong, Sungai Udang, Nibong Tebal, Pulau Pinang.
2. Program taklimat ini dihadiri oleh YB Tuan Sim Tze Tzin, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani untuk bekerjasama dengan Jabatan Perikanan dan Agrobank bagi membantu pengusaha-pengusaha ini.
3. Serangan Taufan Lekima yang mengakibatkan kematian sekurang-kurangnya 800 tan metrik ikan dan membinasakan infrastruktur penternakan serta peralatan perikanan dengan nilai anggaran 29 juta ini telah mendapat perhatian MOA, Jabatan Perikanan dan Agrobank untuk membantu mengurangkan beban yang di hadapi usahawan akuakultur khususnya di sekitar Sungai Udang, Teluk Bahang dan Pantai Jerejak.
4. **Sungai Udang** merupakan antara kawasan yang terjejas teruk dimana seramai 141 penternak mengalami kerosakan serius pada infrastruktur dan peralatan lebih 700 tan metrik ikan terlepas dari sangkar. Manakala di **Teluk Bahang**, sebanyak 6 penternak mengalami kerugian yang melibatkan kematian ikan ekoran perubahan arus laut yang membawa bersama nutrien dan partikel terampai serta menyebabkan paras oksigen menjadi rendah. **Pantai Jerejak pula**

mencatatkan 3 penternak yang terjejas dimana mereka berhadapan dengan kerosakan infrastruktur sangkar dan sebanyak 1 tan metrik ikan terlepas.

5. Selain Pulau Pinang, pengusaha dan penternak di Kedah juga turut terjejas dengan taufan Lekima yang mengakibatkan **4 pengusaha ternakan ikan di kawasan Langkawi** mengalami kerugian dengan anggaran lebih dari 100 ribu ringgit. Selain kerosakan infrastruktur, pengusaha turut mengalami kerugian ikan dan ketam yang terlepas akibat bencana tersebut.
6. Begitu juga keadaan di **Perlis dimana seramai 5 orang** mengalami kerugian sebanyak 26 ribu ringgit melibatkan kerosakan infrastruktur dan kematian ikan ternakan.
7. Satu lawatan telah dibuat oleh YB Timbalan Menteri untuk melihat keadaan sangkar ikan Sungai Udang sekitar Ogos yang lepas. Hasil lawatan tersebut, beliau telah memaklumkan untuk menyumbang **2 buah sangkar ikan jenis teknologi HDPE** kepada Persatuan Penternak Ikan dalam sangkar Sungai Udang. Ini merupakan satu usaha pemodenan industri perikanan bagi pengusaha akuakultur dan penternak ikan dalam sangkar.
8. Justeri itu, MOA dan DOF mengambil inisiatif untuk menganjurkan satu taklimat untuk memberi pilihan solusi kewangan dan Agrobank dijemput untuk memberi taklimat kepada pengusaha- pengusaha. Program ini memberi ruang buat penternak ikan mendapatkan penerangan dan maklumat tentang solusi perkhidmatan kewangan yang disampaikan oleh Encik Che Azmi Che Leh, Ketua Jabatan Komersial Agrobank. Turut hadir adalah Encik Ahmad Shahril bin Mohd Shariff Ketua Pegawai Perniagaan Agrobank.
9. Majlis taklimat diakhiri dengan Sesi Dialog bersama YB Tuan Sim Tze Tzin.

###

Kenyataan media ini disiarkan oleh :

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

13 September 2019 (Jumaat) jam 2.30 petang.

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel : 012-356 9344 (Yazeereen)

012-664 9570 (Aqilah)

016-350 4274 (Budi) PRO Agrobank

Email : ukk@dof.gov.my ; pro@dof.gov.my